



Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
MALAYSIAN RUBBER BOARD

Kepada : Warga LGM
Daripada : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia
Rujukan : LGM/KUPSM/A/027
Tarikh : 25 Oktober 2021

KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

BIL 19 TAHUN 2021

PERMOHONAN KEBENARAN MENINGGALKAN PEJABAT DALAM WAKTU BEKERJA MAKSIMUM EMPAT (4) JAM TERHAD KEPADA SEBULAN SEKALI MELALUI SISTEM e-CUTI LGM

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan LGM Bil 1/2020 telah bersetuju meluluskan penambahbaikan peraturan kebenaran meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja maksimum empat (4) jam.

3. Penambahbaikan peraturan kebenaran meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja maksimum empat (4) jam adalah seperti berikut:

- a) Kebenaran Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatan terlebih dahulu sebelum meninggalkan pejabat dengan menggunakan sistem e-Cuti atau borang yang disediakan dalam garis panduan jika sistem e-Cuti mengalami gangguan. Kegagalan pegawai mendapatkan kebenaran sebelum keluar pejabat boleh dianggap sebagai tidak hadir bertugas tanpa kebenaran.
- b) Kebenaran Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja hanya diberikan bagi tujuan persendirian pegawai **tidak melebihi 4 jam** sehari terhadap kepada sekali sahaja dalam **satu (1) bulan**.
- c) **Tidak dibenarkan** diambil pada hari Khamis bagi negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor, manakala negeri-negeri lain tidak dibenarkan diambil pada hari Jumaat.
- d) Penyeragaman penggunaan kemudahan kebenaran meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja di semua pejabat LGM adalah seperti berikut:
 - i) Pegawai dan Pengkhidmat LGM yang telah mendapat kelulusan kebenaran meninggalkan pejabat semasa waktu bekerja **tidak perlu** hadir ke pejabat terlebih dahulu. Sebagai contoh, pegawai dan pengkhidmat

yang diberi kebenaran meninggalkan pejabat waktu pagi mulai 8.00 pagi hingga 12 tengahari hanya perlu hadir ke pejabat mulai/sebelum 12 tengahari(tertakluk tempoh permohonan).

- ii) **Tidak dibenarkan** membuat permohonan selepas tarikh meninggalkan pejabat. Sistem e-Cuti tidak akan menerima permohonan yang dibuat selepas tarikh meninggalkan pejabat.

4. Pihak Unit Teknologi Maklumat dengan kerjasama Unit Pembangunan Sumber Manusia telah membuat penambahbaikan bagi permohonan Kebenaran Meninggalkan Pejabat melalui aplikasi sistem e-Cuti untuk melancarkan proses pemohon dan penyokong/pelulus membuat permohonan/sokongan/kelulusan tanpa mengira masa dan tempat. Adalah diwajibkan kepada semua pegawai dan pengkhidmat LGM membuat permohonan di dalam sistem e-Cuti sebelum menggunakan kemudahan Kebenaran Meninggalkan Pejabat Dalam Waktu Bekerja.

5. Sehubungan dengan itu, penambahbaikan peraturan kebenaran meninggalkan pejabat dalam waktu bekerja maksimum empat (4) jam berkuatkuasa mulai **1 November 2021**.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”



(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)

s.k Ketua Pengarah
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)
Pengarah – Pengarah Bahagian